

Rancang pindah 80 peratus data raya kepada penstoran awan

Mudah kumpul maklumat perkasa khidmat kepada rakyat

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kerajaan akan merintis jalan untuk memindahkan 80 peratus daripada data rayanya kepada penstoran awan menjelang akhir tahun depan, kata Tan Sri Muhyiddin Yasin.

Perdana Menteri berkata, penghijrahan ini dan juga penyediaan aplikasi super kerajaan dalam tempoh terdekat akan memperluaskan set data bagi membolehkan kerajaan mengumpul maklumat dalam mengenal pasti isu sosial dan menyelaraskan bantuan kepada golongan memerlukan.

“Dengan memahami pola tingkah laku dan hubungan kait di antaranya, kerajaan berharap dapat menggunakan data itu untuk membuat analisis ramalan. Usaha menangani isu ini akan membantu menambah baik penyampaian



Muhyiddin bersama Mohamed Azmin (kiri), Mustapa (kanan), Tengku Zafrul (dua dari kanan) dan Raman (tiga dari kiri) selepas melancarkan inisiatif Microsoft Bersama Malaysia, di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah /BH)

perkhidmatan sektor awam dan memperkasakan rakyat.

“Data raya boleh mencetuskan impak ketara dan enjin pertumbuhan ekonomi. Persoalan mutlak ialah bagaimana kita boleh memanfaatkan teknologi untuk meningkatkan kebajikan sosial dan mengurangkan ketaksamaan serta pada masa sama menangani kesan proses perubahan yang mungkin menggugat masyarakat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap melancarkan inisiatif Microsoft Bersama Malaysia, di

sini, semalam.

Turut hadir pada majlis itu, Menteri Kanan yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Selain itu, Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed; Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Saifuddin Abdullah serta Pengarah Urusan Microsoft Malaysia, K Raman.

Mengulas lanjut, Muhyiddin berkata, ledakan data global ini sudah meningkatkan kepentingan pusat data dan juga perkomputeran awan.

“Sesungguhnya pada masa kini, data boleh diumpamakan sebagai emas. Seluruh industri bergantung kepada data untuk mencapai pertumbuhan dan terdapat banyak peluang bagi mereka yang mampu memanfaatkan permintaan yang tinggi di peringkat global bagi segala perkara berkaitan dengan data.

“Malaysia mempunyai poten-

si besar untuk menjadi hab data serantau dengan ketersediaan jalur lebar tinggi yang meningkat, ruang yang secukupnya, tarif kuasa yang berpatutan dan kini dengan kemunculan syarikat berskala besar,” katanya.

Beliau berkata, Malaysia sentiasa bersedia kekal di hadapan dalam bidang teknologi dengan memanfaatkan data untuk menyediakan perkhidmatan lebih baik bagi perniagaan, meningkatkan produktiviti ekonomi dan akhirnya mengukuhkan daya saing Malaysia.